

# Tradewinds jangka peningkatan besar perniagaan

KUALA LUMPUR 28 Jun—Trade-winds Corp Bhd. menjangkakan peningkatan dalam perniagaan terasnya dengan perladangan dan pembuatan bersedia menjadi penyumbang utama kepada pendapatan dalam tahun-tahun mendatang, manakala hotel pula sudah berada pada landasan menuju peningkatan.

Pengerusinya, Datuk Seri Megat Najmuddin Khas, berkata, kumpulan itu menjangka peningkatan hasil dan pengeluaran daripada ladang-ladang kelapa sawitnya kerana ia mempunyai 30,000 hektar yang belum ditanam, manakala sebahagian besar kelapa sawit yang ditanam masih belum matang.

Kumpulan itu merancang untuk menanam kelapa sawit dengan keluasan 4,000 hingga 5,000 hektar setahun, katanya selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini hari ini.

Kumpulan itu mempunyai simpanan tanah berjumlah 146,251 hektar dan daripada keluasan ini, 99,132 hektar telahpun ditanam dengan kelapa sawit.

Di ladang-ladang ini, pokok-pokok matang mengisi 84,173 hektar.

Syarikat itu tidak mempunyai sebarang rancangan untuk membeli tanah lagi, katanya.

Tentang pembuatan, Megat Najmuddin berkata kumpulan itu

menjangka pendapatan daripada perniagaan gula mencapai jumlah hampir RM1 bilion selepas pengambilalihan Gula Padang Terap Sdn. Bhd. (GPT) tahun lepas.

Unit penapisan gulanya, Central Sugars Refinery Sdn. Bhd, mencatatkan pendapatan RM687.1 juta tahun lepas.

Beliau, bagaimanapun, menegaskan untuk mencapai paras RM1 bilion itu merupakan satu cabaran walaupun dengan sumbangan daripada GPT kerana harga gula dalam pasaran antarabangsa telah jatuh 25-30 peratus daripada AS\$500 (RM1,700) setan metrik tahun lepas, manakala pengukuhan ringgit berbanding dolar AS pula bererti pengurangan pendapatan dalam nilai ringgit.

Mengenai bahagian hotel, Megat Najmuddin berkata kadar penyewaan dalam suku pertama meningkat kepada lebih 66 peratus daripada lebih 63 peratus dalam tempoh yang sama tahun lepas. Beliau, bagaimanapun, menganggapnya masih rendah.

Menurutnya salah sebuah hotel syarikat itu, Mutiara Beach Resort Pulau Pinang, akan diubah suai secara besar-besaran dengan kos RM80-100 juta dan akan beroperasi semula dalam suku kedua tahun depan.

— Bernama